

10/08/2001

Projek rumah tentera utamakan keselesaan

Fazli Abdullah

SUBANG, Khamis - Kementerian Pertahanan akan memastikan projek perumahan baru untuk warga tentera memberi keselesaan kepada penghuninya dengan mengutamakan reka bentuk bagi meningkatkan kualiti hidup mereka.

Sehubungan itu, pembinaan 6,963 unit rumah di tujuh lokasi sekitar Lembah Klang membabitkan peruntukan RM1.5 bilion yang dilakukan secara berperingkat mulai hari ini, diharap menjadi model kepada projek lain.

Antara lain, reka bentuk rumah itu memberi tumpuan kepada peredaran udara dan cahaya matahari, ruang keluarga, bilik tidur lebih luas, taman permainan kanak-kanak, lanskap menarik dan kemudahan awam.

Projek itu juga akan dilengkapi Pusat Siber bagi membolehkan anak anggota tentera meningkatkan kemahiran dalam bidang teknologi maklumat (IT), selain pembinaan perpustakaan.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata kesungguhan kerajaan menyediakan perumahan yang selesa, juga terbukti dengan pembinaan semula kuarters sedia ada yang tidak sesuai lagi dengan keperluan sosioekonomi dan taraf hidup masa kini.

Sebanyak 1,612 rumah sedia ada akan dibina semula kerana mempunyai satu bilik dan usang selain tidak sesuai bagi mereka yang mempunyai keluarga besar.

Antaranya ialah Kem Kementah, Kem Pasifik dan Kem Wardieburn, di ibu negara.

"Pembinaan rumah itu adalah sebahagian daripada usaha berterusan kerajaan untuk mencapai matlamat satu keluarga satu rumah bagi warga tentera.

"Kita tidak rela melihat warga tentera tiada tempat tinggal dengan menetap di kawasan setinggan. Kita mahu menyediakan kemudahan sebaik mungkin kepada mereka yang berkorban demi mempertahankan kedaulatan negara," katanya.

Najib berucap merasmikan majlis pecah tanah projek perumahan Angkatan Tentera Malaysia di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di sini, hari ini.

Pembinaan 660 unit rumah di Kem TUDM Subang adalah sebahagian daripada 6,963 unit yang akan dibina menerusi kerjasama Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera Sdn Bhd (LTAT).

Enam lagi lokasi yang sudah dikenal pasti ialah Kem Kementah, Kem Pasifik, Jalan Ampang; Kem Sungai Besi; Kem Wardieburn, Setapak; Jalan U-Thant dan Jalan Cochrane, di ibu negara. Pembinaan secara berperingkat itu dijangka siap menjelang 2004.

Mac lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengumumkan lima projek yang dikenal pasti termasuk perumahan tentera untuk dilaksanakan membabitkan peruntukan RM3 bilion, tambahan kepada RM28.8 bilion yang diluluskan dalam Belanjawan 2001.

Tambahan RM3 bilion itu adalah antara strategi kerajaan memapankan momentum pertumbuhan ekonomi negara serta mengekang kesan kelembapan ekonomi Amerika Syarikat yang dijangka lebih teruk daripada dijangka sebelum ini.

Najib yang berpuas hati dengan cadangan pelaksanaan projek itu berkata, kediaman dan persekitaran yang selesa amat penting kerana ia dapat meningkatkan kualiti hidup warga tentera.

Sehubungan itu, beliau berharap kontraktor yang mendapat tender projek perumahan tentera dapat melaksanakannya mengikut speksifikasi dan jadual

ditetapkan.

"Kita harap projek perumahan tentera menjadi contoh dan rujukan kepada agensi kerajaan lain pada masa depan," katanya.

Pada majlis itu, Najib turut menerima cek bernilai RM144,388 sumbangan beberapa syarikat kepada Tabung Rayuan Hari Pahlawan.

(END)